



**LAPORAN JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG AWAM  
NEGERI SELANGOR (*PAC*)  
BAGI TAHUN 2007**

PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI SELANGOR (PAC) TAHUN 2007

**KANDUNGAN**

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKASURAT</b>
1.	Pendahuluan	2
2.	Rumusan Dan Syor-Syor Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Selangor Bagi Tahun 2007	3
3.	Perakuan	18
4.	Senarai Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Selangor Bagi Dewan Undangan Negeri Selangor Kedua Belas	19
5.	Urus setia	20
6.	Pegawai-pegawai Yang Turut Hadir Dalam Mesyuarat	21

## PENDAHULUAN

Ahli Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Selangor telah membuat pemeriksaan yang teliti ke atas Laporan Ketua Audit Negara Negeri Selangor bagi Tahun 2007 dengan memanggil beberapa Ketua Jabatan yang berkaitan bagi memberi penjelasan yang terperinci terhadap isu yang dibangkitkan dalam laporan tersebut. Jawatankuasa telah mengadakan mesyuaratnya sebanyak lima (5) kali seperti berikut:-

- i) Bil. 1, 9 April 2009
- ii) Bil. 2, 7 Mei 2009
- iii) Bil. 3, 23 Jun 2009
- iv) Bil. 4, 30 Julai 2009
- v) Bil. 5, 27 Ogos 2009

Semasa membuat pemeriksaan tersebut, Jawatankuasa dibantu oleh Pengarah Audit Negeri Selangor yang turut memberi pendapatnya dan mengemukakan pertanyaan kepada Ketua Jabatan/ Pegawai yang telah dijemput hadir dalam Mesyuarat Jawatankuasa. Di samping itu, Timbalan Pegawai Kewangan Negeri Selangor, Bendahari Negeri Selangor, Timbalan Pengarah Jabatan Audit Negeri Selangor dan beberapa pegawai daripada Jabatan Audit Negeri Selangor turut hadir dalam mesyuarat ini.

Hasil daripada pemeriksaan yang dijalankan, Jawatankuasa telah membuat beberapa rumusan dan syor seperti yang terkandung dalam laporan ini.

**RUMUSAN DAN SYOR-SYOR  
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM  
NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2007**

Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Selangor telah menimbang serta mengkaji segala jawapan yang diberi terhadap isu yang dibangkitkan. Hasil daripada pemeriksaan tersebut, Jawatankuasa berpendapat pada keseluruhannya telah ada peningkatan dan penambahbaikan walaupun terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan kewangan Negeri Selangor bagi tahun 2007. Sehubungan itu, Jawatankuasa telah membuat rumusan dan syor seperti berikut :

- 1. Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2007 – Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Selangor dan Aktiviti dan Kajian Khas Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri Selangor.**

Jawatankuasa telah mengambil maklum daripada jabatan-jabatan berkaitan berhubung status terkini tindakan susulan terhadap teguran Audit. Jabatan-jabatan yang telah dipanggil memberikan taklimat adalah seperti berikut:-

Jabatan	Tarikh
i. Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) – Pengurusan Kewangan Majlis Perbandaran Kajang.	30 Julai 2009
ii. Majlis Perbandaran Klang (MPK) – Pengurusan Majlis Perbandaran Klang.	30 Julai 2009
iii. PKNS Engineering – Laporan Pengurusan Kewangan	27 Ogos 2009

- 2. Laporan Ketua Audit Negara – Aktiviti dan Kajian Khas Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2007.**

- 2.1. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**  
**- Pengurusan Peralatan Komputer Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi**

Merujuk kepada laporan yang disediakan oleh PTMK, perolehan peralatan komputer dibuat melalui 4 cara iaitu sebutharga, tender terbuka, tender terhad dan rundingan terus. Namun begitu bermula 2008, PTMK membuat perolehan peralatan komputer secara tender terhad atas arahan Perbendaharaan Negeri dan penilaian dibuat mengikut peraturan kewangan sedia ada.

Status terkini K-trak yang di tempatkan di Pejabat Daerah Hulu Langat, Pihak PTMK telahpun memohon pandangan Jabatan Insolvensi untuk tindakan selanjutnya memandangkan ia bukan aset Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri hanya menyewa perkhidmatan tersebut daripada Ruhas Technology. Namun begitu PTMK masih belum mendapat sebarang maklumbalas daripada Jabatan Insolvensi setelah syarikat tersebut mengalami penggulungan.

Perkhidmatan yang diberikan K-Trak adalah berbentuk latihan kepada penduduk kampung dan di daerah-daerah. Maklumbalas yang diberikan adalah menggalakkan di mana 11,100 peserta telah dilatih melalui khidmat ini. Perkhidmatan ini terpaksa diberhentikan berikutan arahan penggulungan syarikat.

Rekod pelupusan komputer di daerah-daerah dan juga beberapa peralatan ICT di pejabat SUK, PTMK telahpun membuat pelupusan mengikut tatacara kewangan dan juga telah mengesyorkan peralatan tersebut dijual sebagai barang *skrap*. Cadangan itu telah dipersetujui oleh Perbendaharaan Negeri dan ia telahpun dilaksanakan.

PTMK memaklumkan kebanyakan komputer yang terdapat di pusat komuniti di kampung-kampung adalah sumbangan daripada anak syarikat dan syarikat-syarikat korporat seperti TALAM, Microsoft dan Puncak Niaga. Oleh yang demikian, penyelenggaraan berkala bagi peralatan tersebut tidak disediakan. Pihak PTMK hanya memberikan perkhidmatan pertama dan selepas itu ia adalah menjadi tanggungjawab pusat komuniti atau perpustakaan itu sendiri. Pelupusan juga adalah tidak perlu mengikut tatacara pelupusan memandangkan ia bukan aset yang dibeli oleh PTMK. Namun begitu terdapat juga beberapa pusat yang memaklumkan kepada PTMK untuk melupuskan aset tersebut dan ia tidak menjadi halangan bagi PTMK.

Kehilangan 2 buah laptop dan sebuah komputer yang dilaporkan telah pun diambil tindakan. Kehilangan komputer di pejabat ditanggung oleh syarikat insurans dan ia telah digantikan. Manakala kehilangan 2 buah laptop di rumah tidak dilindungi insurans dan kedua-dua pegawai telah menggantikan laptop itu semula.

Selain daripada Ruhas Technology yang mengalami penggulungan dan PTMK atas arahan daripada Jabatan Insolvensi telah memulangkan komputer kepada Hp, turut dimaklumkan perjanjian bersama Damini akan tamat pada Jun 2009, manakala syarikat BSO tamat pada Jun 2008. Walaubagaimanapun PTMK telah memohon lanjutan sewaan daripada BSO sehingga akhir bulan Mei 2009 sementara menunggu proses tender baru selesai. Sementara itu perjanjian bersama syarikat Empirical, masih berjalan sehingga 2010.

Bagi tender baru yang ditawarkan secara tender terhad kepada 10 syarikat yang disenaraikan oleh Perbendaharaan Negeri, 3 syarikat yang berjaya iaitu:-

1. Global Elite- membekalkan peralatan komputer
2. BSO. – membekalkan pencetak
3. Computer System Malaysia – membekalkan komputer dan pencetak bagi setiap JKKK sebanyak 446 buah.

Jawatankuasa berharap PTMK terus maju dan dengan adanya pengauditan khasnya dari segi dalaman perkara yang dibangkitkan di ambil berat oleh pihak PTMK.

## **2.2 Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor - Pengurusan Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer**

Jawatankuasa dimaklumkan pembetulan secara *back-door* masih berlaku dan perkara ini telah dibawa ke mesyuarat peringkat Persekutuan di mana JKPTG diminta untuk menyemak semula dan mengemaskini Panduan Keselamatan SPTB bagi membenarkan pembetulan secara *back door* kerana tidak semua pembetulan boleh dilakukan di bawah Pembetulan 380 KTN. Walaubagaimana pun pembetulan secara *back door* tidak dilakukan dengan sewenang-wenangnya, semua dokumen mestilah mempunyai pengesahan pendaftar sebelum ia dibetulkan. Pegawai dan kakitangan yang menguruskan pembetulan secara *back door* ini juga perlu mengisi borang dan direkodkan sebagai langkah keselamatan data-data SPTB. Sehubungan itu, sebarang pengemaskinian Buku Panduan Keselamatan SPTB perlu dimaklumkan kepada Pihak Audit dan Jawatankuasa PAC.

PTGS telah mengambil pendekatan bekerjasama dengan Jabatan Arkib Negara bagi melupuskan dokumen-dokumen lama (1890-an) sebagai salah satu cara mengatasi masalah ruang. Pelupusan dilakukan secara bersama melalui beberapa fasa serta mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Arkib Negara. Pelupusan juga mengambil kira kepentingan sesuatu fail atau dokumen. Selain itu data yang di masukkan ke bentuk digital akan disemak oleh PTGS dan Jabatan Arkib sebelum dokumen asal dilupuskan bagi mengelakkan perbezaan maklumat di dokumen asal dan rekod digital.

Bagi memelihara keselamatan dokumen di bilik kebal, hanya nama pegawai yang dibenarkan masuk sahaja disenaraikan. Penyelia dan Ketua Kerani bilik kebal ditugaskan memantau bilik tersebut. Bagi pegawai yang tidak tersenarai dalam kebenaran untuk masuk ke bilik kebal, mereka perlu mendapat kebenaran daripada pegawai atasan

ataupun penyelia bilik kebal dan perlu menyatakan alasan untuk masuk ke bilik tersebut. Semua pegawai yang masuk perlu mencatatkan butir-butir seperti nama, tandatangan masuk dan keluar di dalam *buku log* yang disediakan sebagai rekod. Selain itu, PTGS ada memanjangkan permohonan ke Perbendaharaan Negeri untuk mendapatkan mendapatkan CCTV tetapi ia telah ditolak atas alasan kekangan kewangan. Penggunaan *finger print* juga ada dicadangkan tetapi maklumbalas yang sama diterima daripada Perbendaharaan Negeri.

PTGS memaklumkan longgokan dokumen penting seperti dokumen hak milik dan dokumen gadaian yang ada di ruangan terbuka masih lagi berlaku. Ini tidak dapat dielakkan berikutan daripada masalah ruang di PTGS. Sebagai langkah keselamatan kehadiran orang awam berurusan di PTGS, mereka perlu mendapatkan pas keselamatan sebelum masuk dan berurusan dengan kakitangan. Kedudukan dan kehadiran mereka sentiasa dipantau oleh kakitangan dan pegawai keselamatan.

Masalah kebocoran siling telah dipanjangkan ke Pihak Pengurusan. Tindakan telah diambil dan tiada lagi kebocoran berlaku setakat ini. Kebocoran siling ini menyebabkan kerosakan dokumen-dokumen hak milik asal yang tidak dapat dipastikan jumlahnya.

Ruang penyimpanan di ICT kedua di Bangunan Darul Ehsan telah siap sedia digunakan dan tape-tape telah dihantar secara mingguan ke sana. PTGS bersama Unit SPTB di JKPTG masih dalam proses meneliti *term and reference* bagi meminimumkan penggunaan ruang dan tempoh penyimpanan sesuatu tape memandang tape direkodkan secara harian, mingguan dan bulanan.

Jawatankuasa juga berkesempatan meneliti buku log kemasukan ke bilik kebal dan mendapati beberapa kelemahan yang mana terdapat butir-butir yang tidak direkodkan, butiran yang direkod kurang jelas dan perbezaan maklumat dan penulisan, masa masuk dan masa keluar tidak dinyatakan. Penggunaan *blanco* dan pensel tidak digalakkan, Jawatankuasa berpendapat sekiranya ada pemantauan yang ketat, perkara seperti ini tidak akan berlaku kerana ditakuti dengan kelemahan pemantauan dan aspek keselamatan yang kurang dokumen-dokumen yang dijaga juga akan hilang. Peminjaman bagi tempoh yang lama juga perlu dipantau dan direkodkan.

Jawatankuasa sedia maklum masalah pembetulan secara *back door* ini tidak dapat dielakkan dan Jawatankuasa turut mencadangkan beberapa langkah agar masalah ini dapat dikurangkan antaranya memberi latihan yang cukup kepada pegawai diperangkat awal dan meletakkan pegawai yang lebih bertanggungjawab dan berkualiti. ( Pegawai yang lebih kanan)

PTGS juga telah mengambil tindakan di atas syor Task Force Tanah antaranya bahagian Pendaftaran telah memanjangkan permasalahan seperti ruang pejabat, kekangan kewangan dan pegawai seperti di dalam waran perjawatan daripada JPA. PTGS dimaklumkan bahawa perkara tersebut telah diambil maklum oleh Task Force, MAMPU, MPC dan PEMUDAH.

Kertas keselamatan yang diterima daripada Bahagian Khidmat Pengurusan akan direkodkan nombor sirinya dalam buku rekod. Sebagai langkah berjaga-jaga, Kertas Keselamatan yang rosak juga direkodkan ke dalam sistem dan pemusnahan Kertas Keselamatan hanya dibenarkan kepada pegawai sahaja. Berkaitan kos, perbekalan kertas keselamatan yang dibangkitkan laporan bertulis diperlukan oleh Jawatankuasa.

PTGS mengakui kesalahan *data entry* tidak dapat dihapuskan kerana ia bukan sahaja disebabkan oleh *human error* tetapi ia juga disebabkan oleh *system error*. Sehubungan itu, PTGS sentiasa mengingatkan pendaftar agar lebih berhati-hati dan setiap kemasukan disemak dengan teliti. Perlaksanaan peraturan yang lebih ketat seperti menukar kata laluan bagi tempoh 3 bulan sekali dan penambahbaikan akan sentiasa dilakukan bagi mengelakkan kesalahan berulang. Pendaftar dan kerani kemasukan juga diberi kursus-kursus bagi menambahkan kemahiran dan kefahaman mengenai sistem.

PTGS juga perlu menyediakan laporan bertulis mengenai 3 kes pajakan yang melebihi 99 tahun yang berlaku di PTD Hulu Langat yang dipercayai berpunca daripada kesilapan *data entry*. Berikutan itu Jawatankuasa mencadangkan supaya diadakan '*check and balance*' bagi mengurangi kesilapan kemasukan data. PTGS sedia maklum dan beberapa cadangan juga telah dipanjangkan ke pihak atasan antaranya *Queue Management System (QMS)* dan *Sistem Biometrik*.

Turut dimaklumkan penggabungan sistem HPST-SPTB di proses terakhir. PTGS sudah bersedia dengan data yang diperlukan oleh Pusat ICT dan masih menunggu kata putus daripada ICT untuk mengaktifkan keseluruhan aplikasi tersebut.

Berhubung cadangan Task Force Tanah yang mahu permohonan tanah dan pertukaran hak milik diselaraskan di PTGS, adalah menjadi kekangan bagi PTGS untuk menyimpan dokumen daripada semua Pejabat Daerah di PTGS. Jawatankuasa juga mencadangkan diwujudkan Jawatankuasa Audit dalaman yang boleh memantau dan mengambil tindakan segera di atas teguran-teguran audit.

Jawatankuasa juga memohon agar Pejabat Tanah dapat mengemukakan surat rasmi memaklumkan sebab ketidakhadiran Pengarah dan Pegawai-

pegawai yang sepatutnya hadir dengan menyertakan sekali dokumen-dokumen sokongan kepada Jawatankuasa.

Jawatankuasa secara keseluruhannya, berharap di bawah pentadbiran baru, tanggapan negatif masyarakat berhubung pentadbiran dan pengurusan di Pajabat Tanah dapat diperbetulkan bagi memudahkan urusan-urusan orang ramai.

### **2.3 Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor - Projek Mengukuhkan Benteng Pantai**

Jawatankuasa dimaklumkan, susulan daripada syor Audit mengenai rekabentuk aras benteng pantai, JPS menjelaskan aras benteng telah dikurangkan kepada 3.5m daripada ketinggian asal 4m kerana mengambil kira peruntukan yang terhad dan dalam masa yang sama perlu memenuhi jajaran yang lebih panjang (penambahan 10.3km daripada kepanjangan asal). Turut dimaklumkan bahawa kajian telah dibuat mengenai ketinggian 3.5m adalah dikira selamat oleh JPS.

JPS telah menjalankan penanaman anak bakau dibeberapa kawasan di Selangor, namun begitu disebabkan oleh arus ombak yang deras anak bakau tersebut tidak dapat bertahan. JPS juga telah memulakan penggunaan goetiub di Tanjung Piai. Secara teorinya, melalui kaedah ini, goetiub akan diletakkan di hadapan pantai dan ini akan mewujudkan penambakan di belakangnya. Kemudian anak pokok api-api akan bertapak dan berkembang di belakangnya dan seterusnya memudahkan pembiakan bakau minyak. Eksperimen telah dibuat di Sungai Haji Dorani dan teori tersebut adalah terbukti kejayaannya. Walau bagaimanapun kaedah ini masih di peringkat kajian sebelum ia boleh diperluaskan ke seluruh pantai Malaysia.

Peningkatan air pasang berikutan daripada "global warming" juga telah dikesan di Klang dan berikutan itu JPS telah memohon peruntukan daripada kerajaan pusat di dalam bajet 2010 untuk kerja-kerja meninggikan aras benteng pantai di perairan Selangor.

Kebiasaannya benteng pantai dicipta untuk tempoh 25 tahun. Bagi kaedah 'revertment' tempoh jangka hayat juga sekitar 20 hingga 25 tahun. Selain itu, jenis konkrit yang dikenali sebagai SAUH juga dipraktikkan di beberapa kawasan di Sungai Lang, Sungai Sekendi dan Sungai Burong, namun begitu kaedah ini tidak digemari oleh nelayan kerana menyukarkan mereka bergerak.

Turut dimaklumkan pemilihan kaedah benteng pantai ini juga turut dipengaruhi oleh faktor kekuatan tanah. Sekiranya struktur tanah di

kawasan tersebut adalah ringan lebih sesuai menggunakan SAUH berbanding revertment. Jawatankuasa berpendapat penanaman bakau adalah lebih sesuai bagi tempoh jangka masa panjang berbanding kaedah-kaedah yang diperkenalkan. Ia dipersetujui oleh JPS tetapi untuk melaksanakannya penambakan perlu dibuat terlebih dahulu.

Permasalahan lubang ketam masih belum dapat diselesaikan buat masa ini. Walau bagaimanapun mesyuarat dimaklumkan JPS Batu Pahat telah menggunakan kaedah *Polystyrene sheet* dan ia didapati berkesan untuk menangani masalah lubang ketam. JPS Selangor telahpun memohon untuk mendapatkan manual bagi kaedah tersebut untuk diguna pakai di pantai Selangor.

Secara keseluruhan, Jawatankuasa berpuas hati dengan taklimat tersebut dan turut berharap agar peruntukan yang dimohon oleh JPS mendapat perhatian Kerajaan Pusat.

#### **2.4 Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor - Pengurusan Pembangunan Ladang**

##### **➤ Serendah International Orchid Park (Syarikat Baytown Sdn.Bhd.)**

Jawatankuasa dimaklumkan bahawa surat kepada Bank Pertanian yang menyatakan hasrat PKPS untuk membayar 70% daripada jumlah ansuran dan 30% akan dibayar oleh rakan usahasama telah dihantar pada 24 Mac 2009 bersama dengan bayaran ansuran. Namun begitu PKPS masih belum menerima sebarang maklumbalas daripada pihak bank berhubung dengan keputusan itu. PKPS menjelaskan bahawa Jemaah Ahli PKPS yang terdahulu telah membenarkan syarikat usahasama mencagarkan tanah tersebut bagi mendapatkan pinjaman RM8 juta. Bagi mengelakkan tanah tersebut dilelong, Ahli Jemaah PKPS yang baru mengambil keputusan untuk meneruskan bayaran balik tetapi menetapkan hanya 70% sahaja.

Kajian diperingkat awal berhubung projek orkid ini ada dimaklumkan tetapi maklumat berkenaan kajian tersebut tidak dapat dicapai kerana pegawai-pagawai yang terlibat telah bersara disamping banyak fail-fail berkenaan didapati hilang.

Ahli Jemaah PKPS membuat keputusan untuk membeli syer yang bernilai RM1.5 juta unit dengan harga RM1 sahaja kerana kesemua liabiliti yang ditanggung oleh syarikat usahasama akan diambil alih oleh PKPS. Dengan berbuat demikian, PKPS akan memegang 100% hakmilik syarikat tersebut. Keputusan itu telah dimaklum kepada Ahli Lembaga Pengarah Syarikat tetapi masih belum mendapat sebarang keputusan. Mesyuarat

PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI SELANGOR (PAC) TAHUN 2007

dimaklumkan juga syarikat usahasama berminat untuk mendapatkan semula projek ini kerana mereka berhasrat untuk 'refinance' tanah tersebut kerana yakin boleh mendapat hampir RM30 juta dengan berbuat demikian.

PKPS memaklumkan penilaian tanah yang dibuat oleh Jabatan Penilaian hanya mengambilkira nilai aset seperti bangunan yang ada di atas tanah berkenaan tanpa melihat potensi tanah tersebut. Jika penilaian mengambilkira potensi tanah dan nilai balak yang ada ia adalah melebihi RM15 juta.

Ladang orkid ini walaubagaimanapun, telah dihentikan operasinya. Penjualan juga dibekukan kerana ia akan melibatkan kos pembajaan. Namun begitu penyelenggaraan ladang orkid ini dari segi penjagaan kawasan adalah sebanyak RM3000 sebulan termasuk gaji pekerja yang ditugaskan untuk menjaga dan menyelenggara kawasan berkenaan.

Jemaah Ahli PKPS yang baru juga telah melantik syarikat guaman yang bertauliah untuk meneliti setiap keputusan dan perjanjian yang dibuat oleh PKPS. Setelah meneliti perjanjian-perjanjian terdahulu, mereka mendapati tiada bukti yang kukuh untuk membawa isu ini ke mahkamah, walaupun tidak dinafikan terdapat unsur perjanjian berat sebelah. Jawatankuasa berpendapat pentadbir kewangan sepatutnya dikenakan tindakan kerana pengurusan kewangan yang tidak betul. Namun begitu PKPS memaklumkan pegawai tersebut sudah bersara. Selain itu, perlaksanaan sesuatu projek dibuat setelah mendapat persetujuan daripada Jemaah Ahli PKPS.

Jawatankuasa juga turut mencadangkan sekiranya rakan usahasama tidak membayar ansuran pinjaman 30% kepada bank seperti yang dicadangkan oleh PKPS, PKPS boleh mengenakan syarat untuk mengurangkan sedikit demi sedikit pegangan syer mereka.

Jawatankuasa turut dimaklumkan hasil daripada pembersihan balak di kawasan tersebut disalurkan ke Syarikat Baytown Sdn Bhd. Aliran pendapatan itu ada dinyatakan dalam penyata akaun syarikat tersebut. PKPS sebagai pemilik tanah tidak menerima hasil pembersihan balak tersebut.

PKPS memaklumkan selepas pengambilalihan Ahli Jemaah PKPS yang baru, tiada lagi projek-projek usahasama dijalankan oleh PKPS. Namun begitu, Jawatankuasa berpendapat projek usahasama boleh dilaksanakan dengan syarat perjanjian yang dibuat perlu lebih diperhalusi agar perancangan-perancangan yang dibuat akan mendatangkan lebih keuntungan kepada PKPS. Jawatankuasa juga berharap dengan adanya

pengurusan baru yang menerajui PKPS, hala tuju projek-projek PKPS lebih terjamin dan terlaksana dengan jayanya.

➤ **Ladang Herbatorium Selangor (Hutan Simpan Rantau Panjang)**

PKPS memaklumkan prestasi syarikat POLENS (M) Sdn. Bhd. yang mengusahakan ladang herba tidak memberangsangkan kerana syarikat ini mencatatkan kerugian sebanyak 1.5 juta. Di peringkat awal, PKPS melihat POLENS sebagai sebuah syarikat yang berpotensi untuk mencatatkan keuntungan tetapi kerana ia diabaikan, syarikat ini mengalami masalah.

Jawatankuasa turut mengambil maklum ladang herba ini telah diberhentikan operasinya dan sebahagian tanah tersebut diserahkan kepada SOPICS Sdn. Bhd. untuk diusahakan tanaman buah-buahan. Manakala sebahagian lagi akan diserahkan kepada anak syarikat PKPS yang mengkhususkan dalam penternakan ikan.

Setelah melihat prestasi yang memberangsangkan oleh projek penternakan ikan oleh anak syarikat iaitu Bukit Tinggi Fish Farm Sdn. Bhd., PKPS bercadang untuk menambah 60 kolam lagi untuk tujuan tersebut. Bukit Tinggi Fish Farm memfokuskan pengeluaran benih keli berkepanjangan antara 1" hingga 3".

Cadangan menghidupkan semula herbatorium masih di kaji dan sekiranya ia diserahkan kepada SOPIC untuk dilaksanakan, SOPIC melihat antara tanaman herba yang *praktikal* untuk diusahakan adalah misai kucing. Ini kerana selain daripada permintaan yang baik dan pulangan yang cepat misai kucing juga mempunyai tempoh hayat yang pendek dan mudah dikendalikan berbanding dengan tanaman herba yang lain.

Jawatankuasa mengambil maklum bahawa PKPS mempunyai aset tanah yang banyak dan besar. Oleh yang demikian untuk menguruskan tanah-tanah tersebut agak sukar bagi PKPS. Namun begitu PKPS dalam usaha untuk menjual tanah yang kecil dan terpencil untuk mengumpulkan dana agar mereka boleh membeli satu bidang tanah besar seperti ladang kerana ia lebih mudah diuruskan dan pulangannya juga lebih menguntungkan. Cadangan pembeli adalah diberi keutamaan kepada pengusaha yang sedang mengusahakan tanah tersebut selain daripada tender terbuka.

➤ **Pembalakan di Hutan Sungai Jelok (Hutan Simpan Sungai Jelok, Hulu Langat)**

Jawatankuasa setelah meneliti laporan dan penjelasan yang disampaikan oleh PKPS berpendapat perjanjian pajakan yang telah ditandatangani itu adalah berat sebelah dan merugikan PKPS dan Kerajaan Negeri sendiri kerana nilai pajakan adalah terlalu rendah. PKPS memaklumkan bahawa mereka tidak boleh berbuat apa kerana perjanjian itu telahpun selesai melalui proses permohonan yang betul iaitu melalui Jabatan Perhutanan dan mendapat kelulusan daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan juga persetujuan Jemaah Ahli PKPS terdahulu.

Mesyuarat mengambil maklum bahawa hasil balak yang diperolehi daripada pembersihan kawasan diperolehi oleh kedua-dua syarikat yang memajak kawasan berkenaan manakala PKPS hanya mendapat hasil sewaan pajakan. Sementara Kerajaan Negeri melalui Jabatan Hutan akan menerima premium tanah dan permit penggunaan tanah pada kadar yang telah ditetapkan disamping cukai balak yang dikeluarkan.

PKPS memaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia ada menandatangi perjanjian dengan EU yang mana 10 tahun daripada sekarang hanya balak daripada Malaysia sahaja yang boleh dieksport ke Negara Eropah kerana balak Malaysia sahaja yang mempunyai rekod *traceability*.

Jawatankuasa dimaklumkan juga penanaman semula balak ini akan menggunakan pokok getah *Latex Timber Exclon (LTC)* yang merupakan spesis balak yang boleh ditoreh bermula tahun ke 7 sehingga tahun ke 15 dan di tebang pada tahun ke 16. Strategi ini memakan kos hampir RM8000.00 ke RM9000.00 per hektar. Untuk makluman, Jawatankuasa juga Kerajaan Malaysia membenarkan pinjaman dengan MITB hingga 90% dan pembayaran semula bermula pada tahun ke 16.

PKPS turut memaklumkan status terkini Ladang Sungai Jelok berdasarkan tinjauan terakhir yang dilakukan pada bulan Mac 2009, penebangan balak telah mencecah 90%. Masih terdapat longgokan-longgokan kayu yang masih belum dibersihkan.

➤ **Penghutanan Semula di Hutan Simpan Rantau Panjang (Batu Arang), Hulu Selangor**

Jawatankuasa berpendapat nilai pajakan untuk Program Penghutanan secara usahasama dengan beberapa syarikat usahasama adalah terlalu kecil berbanding dengan nilai tanah tersebut.

PKPS memaklumkan sekiranya pemajak gagal melaksanakan apa yang dijanjikan, PKPS tidak boleh membatalkan perjanjian tetapi PKPS boleh mengeluarkan notis 12 bulan untuk mereka mengambil tindakan susulan. Turut dimaklumkan bahawa draf perjanjian tersebut adalah melalui Kamar

Penasihat Undang-undang Negeri pada ketika itu, PKPS tidak menafikan perjanjian diantara syarikat usahasama dengan PKPS adalah berat sebelah.

Terdapat juga pajakan tanah 99 tahun di mana walaupun Kerajaan Negeri tidak meluluskan namun kontrak tersebut tetap berjalan. Jawatankuasa memandang serius perkara ini dan mencadangkan mana-mana perjanjian yang berat sebelah ini dirujuk kepada Jawatankuasa SELCAT supaya ia boleh disiasat untuk mengetahui mengapakah perjanjian tersebut ditandatangani. Oleh yang demikian Jawatankuasa mencadangkan kepada PKPS untuk menyediakan laporan penuh berkenaan isu pajakan tanah 99 tahun yang tidak mendapat kelulusan Kerajaan Negeri untuk dipanjangkan kepada Jawatankuasa SELCAT untuk diputuskan.

Sehubungan itu, Jawatankuasa turut mencadangkan agar satu lawatan ke Hutan Simpan Batu Arang untuk melihat keadaan terkini projek pembersihan dan penanaman semula hutan tersebut yang dimaklumkan telah dibersihkan.

#### ➤ **Ladang-ladang Kelapa Sawit PKPS**

Jawatankuasa mengambil maklum status terkini berhubung projek yang dijalankan secara usahasama di Ladang Kerling, PKPS telah pun menjual syerinya kepada rakan usahasama dengan nilai RM2.24 juta. Keputusan itu diputuskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah terakhir yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Dato' Seri Mohamad Khir bin Toyo. Oleh yang demikian, pihak Audit memohon laporan bertulis daripada PKPS untuk memaklumkan tindakan-tindakan yang telah diambil oleh PKPS sebagai maklumbalas terhadap Laporan Audit berhubung Ladang Kelapa Sawit di Kerling untuk dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2008.

Mesyuarat mohon dimaklumkan berkenaan Ladang Irat, Lahat Datu yang mana di dalam laporan audit yang lepas terdapat pembinaan bangunan kekal dan kewujudan perkampungan pekerja ladang di situ. PKPS melaporkan ketika ini yang berlaku adalah sebaliknya kerana tenaga kerja tidak mencukupi di situ dan pengurusan ladang sedang berusaha untuk membawa masuk pekerja. Berikut itu PKPS di mohon menyediakan laporan terperinci berhubung perkara berkenaan.

Jawatankuasa juga memohon kepada PKPS untuk membuat siasatan dalam berkenaan Ladang PKPS di Kalimantan, Indonesia dan melaporkan hasil siasatan tersebut kepada Jawatankuasa PAC.

Secara keseluruhannya, Jawatankuasa berpuas hati dengan PKPS di atas perubahan dan tindakan yang telah diambil selepas pengambilalihan

pentadbiran baru. Jawatankuasa berharap peningkatan hasil pendapatan daripada projek ladang kelapa sawit dapat ditingkat dari masa ke semasa.

## **2.5 Majlis Daerah Kuala Selangor - Pembinaan dan Pengurusan Pasar Basah Pasir Penambang**

Jawatankuasa turut mengambil maklum bahawa teguran-teguran audit telah diambil tindakan sewajarnya dan pihak Audit turut berpuas hati dengan tindakan yang diambil oleh pihak Majlis.

Jawatankuasa tutut mengambil maklum bahawa pasar basah ini bukan sahaja menjadi tumpuan penduduk tempatan malah sambutan pengunjung luar juga menggalakkan terutamanya ketika cuti hujung minggu. Oleh yang demikian, Pihak Majlis bercadang untuk memberi input kepada peniaga melalui kursus-kursus berhubung pembungkusan yang baik bagi pengunjung membawa bekalan segar pulang ke tempat mereka.

Turut dimaklumkan kawasan lapang bersebelahan dengan Pasar Basah tersebut telah dan akan dijadikan

- i. Tempat letak kereta bagi pengunjung Pasar Basah Pasir Penambang dan kawasan-kawasan sekitarnya;
- ii. Menempatkan peniaga-peniaga kecil (gerai kelapa, goreng pisang, buah-buahan dll) ditempat yang telah disediakan; dan
- iii. Menempatkan semula peniaga-peniaga pasar malam di kawasan tersebut.

Namun begitu, Pihak JKK dan pihak peniaga pasar harian dan pasar malam masih dalam perbincangan berikutan keengganan peniaga-peniaga tersebut berpindah ke kawasan yang dicadangkan. Pihak Majlis juga akan berusaha menyakinkan peniaga untuk berpindah ke tempat yang baru bagi menjadikan kawasan tersebut lebih tersusun dan teratur.

Pihak Majlis memaklumkan masih terdapat beberapa gerai-gerai yang belum beroperasi antaranya gerai ikan, ayam dan pelbagai. Namun begitu, pihak Majlis memantau dari segi sewaan melalui Jawatankuasa Sewaan Gerai yang mana sekiranya peniaga tidak membayar sewa selama 3 bulan, notis dan peringatan akan dikeluarkan kepada mereka. Begitu juga bagi peniaga yang membayar sewa tetapi tidak menjalankan perniagaan, peringatan juga akan dikeluarkan terhadap mereka. Ini kerana dasar pihak Majlis yang akan memberi sewaan kepada mereka yang berminat untuk menjalankan perniagaan sahaja.

Jawatankuasa dimaklumkan punca kegagalan dan kelewatan projek ini adalah berikutan daripada masalah kewangan yang dihadapi oleh syarikat kontraktor. Pihak Majlis mendapati secara keseluruhan pada tahun 2005, 70% projek yang meliputi kerja-kerja struktur asas telahpun disiapkan meliputi kerja-kerja struktur asas. Oleh kerana modal pusingan syarikat tidak mencukupi maka kerja-kerja terakhir seperti 'wiring' dan 'piping' tidak dapat diteruskan dan memerlukan suntikan modal daripada Pihak Majlis.

Keluasan gerai yang disediakan di Pasar Basah Pasir Penambang ini berukuran 10' x 8'. Ia agak kecil berbanding dengan saiz gerai terdahulu di tapak sebelumnya. Memandangkan diperangkat awal reka bentuk projek ini di bawah cadangan dan seliaan konsultan, maka pihak Majlis bersetuju untuk meneruskannya mengikut rekabentuk yang telah ditetapkan. Jawatankuasa berpendapat saiz gerai tersebut adalah ideal mengikut *standard* gerai pasar basah. Namun begitu pihak Majlis berpendapat mungkin pada masa kini saiz tersebut sudah tidak sesuai untuk menampung permintaan pasaran.

Turut dimaklumkan kadar sewaan gerai di pasar basah ini adalah mengikut kadar sewaan ditapak lama. Ini kerana terdapat permintaan untuk tidak menaikkan sewaan daripada peniaga kerana dibimbangi akan mempengaruhi harga barang yang dipasarkan. Pihak Majlis sedia maklum bahawa margin keuntungan peniaga tidak begitu besar untuk membolehkan Majlis menaikkan kadar sewa. Namun begitu Pihak Majlis akan membuat kajian sebelum menaikkan sewaan sebagai langkah membantu dan menggalakkan peniaga-peniaga dalam membantu ekonomi penduduk setempat.

Pemindahan gerai khinzir ditempat yang telah disediakan oleh pihak Majlis dilakukan adalah berikutan daripada teguran audit yang dilihat boleh mengganggu keselesaan pengunjung dan peniaga sekitar. Pihak Majlis masih dalam proses memujuk peniaga tersebut kerana keenggan mereka berpindah walaupun telah diarahkan berbuat demikian. Selain itu, pemindahan itu juga mengambil kira teguran Audit berhubung tiada kemudahan bilik sejuk beku di situ. Tempat tersebut akan dibersihkan dan akan dijadikan tapak untuk meletakkan mesin sejuk beku.

Secara keseluruhannya, Jawatankuasa berpuas hati dengan taklimat yang diberikan oleh pihak Majlis dan berharap selepas ini setiap teguran audit akan disusuli tindakan sewajar bagi menaikkan imej Negeri Selangor.

PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI SELANGOR (PAC) TAHUN 2007

### 3.0 Lain-lain Taklimat

- 3.1 Jawatankuasa turut meneliti isu-isu berbangkit yang dirasakan perlu dan telah memanggil jabatan-jabatan yang berkaitan untuk memberikan taklimat. Berikut adalah senarai jabatan dan isu-isu yang berbangkit.

Jabatan	Isu-isu	Tarikh Taklimat	Syor Jawatankuasa
i. MBSA	a. Perjanjian Penyewaan Kedai Pejabat No.2 ( Tingkat 1-5) Jalan S 31/ S, Seksyen 31, Shah Alam Antara MBSA dan Syarikat Pandan Prima Sdn. Bhd.	23 Jun 2009	Jawatankuasa berharap setiap perjanjian yang akan ditandatangani akan diteliti oleh MBSA secara terperinci bagi menjaga imej MBSA. Jawatankuasa turut mengemukakan cadangan kepada JPK-PBT bagi meneliti Bahagian Perundungan MBSA bagi mengelak isu kesilapan/terlepas pandang di masa hadapan.
	b. Kes Penyewaan Bangunan Letak Kereta MBSA Seksyen 31, Kota Kemuning	30 Julai 2009	Jawatankuasa berharap setiap perjanjian yang akan ditandatangani akan diteliti oleh MBSA secara terperinci bagi menjaga imej MBSA. Jawatankuasa turut mengemukakan cadangan kepada JPK-PBT bagi meneliti Bahagian Perundungan MBSA bagi mengelak isu kesilapan/terlepas pandang di masa hadapan.
ii. PDT Gombak	a. Isu Pemberimilikan Tanah di Bukit Botak	30 Julai 2009	Jawatankuasa mengambil maklum bahawa Jawatankuasa Khas telah ditubuhkan di bawah Y.B. Tuan Iskandar bin A. Samad.
iii. PKNS	a. Status Pembangunan Bukit Botak	27 Ogos 2009	Jawatankuasa mencadangkan kepada Kerajaan Negeri agar mengambil tindakan terhadap mereka yang

PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI SELANGOR (PAC) TAHUN 2007

			terlibat sekiranya berlaku penyelewengan sepanjang proses tersebut yang akhirnya menyebabkan kerugian.
	b. Projek Kuarters Kerajaan di Sekinchan	27 Ogos 2009	Y.B. Tuan Ng Suee Lim bersetuju untuk membantu perbincangan dengan tiga (3) keluarga yang masih menetap di atas tapak tersebut.
c. JKR	a. Laporan Keadaan Jalan Johan Setia, Klang	27 Ogos 2009	Jawatankuasa bersetuju merujuk kepada Y.B. EXCO Infra tentang masalah yang dihadapi di Jalan Johan Setia berikutan masalah mendapan yang terus berlaku serta kerja-kerja pengukuhan yang perlu dilakukan.
d. UPEN	a: Projek Gerai-gerai Luar Bandar (PLB)	27 Ogos 2009	Jawatankuasa meminta EXCO PBT meneliti hal ini termasuk gerai-gerai, bengkel-bengkel PLB dan UPEN mengkaji kesesuaian dari segi tapak, infra dan menaiktaraf untuk menggalakkan pusat penjaja berpusat.

#### 4.0 LAWATAN / AKTIVITI LUAR

- 4.1 Selaras dengan Laporan Ketua Audit Negara Negeri Selangor Bagi Tahun 2007 , Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Selangor juga telah mengadakan lawatan ke beberapa tempat seperti berikut:-
- i. Selangor Orchid Farm, Batang Berjuntai  
- 15 Januari 2009
  - ii. Selangor Fruit Valley, Batang Berjuntai  
- 15 Januari 2009
  - iii. Hutan Simpan Rantau Panjang  
- 23 April 2009


PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI SELANGOR (PAC) TAHUN 2007

- iv. Ladang Herbatorium Selangor  
- 23 April 2009
- v. PKPS Farm Mart Sdn. Bhd  
- 23 April 2009
- vi. PKPS Bukit Tinggi Fish Farm Sdn. Bhd.  
- 23 April 2009

## 5.0 PERAKUAN

Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Selangor ke atas Laporan Ketua Audit Negara Negeri Selangor bagi tahun 2007 dengan ini dibentangkan kepada Dewan Undangan Negeri Selangor untuk penerimaannya mengikut Peraturan Tetap 76(5).

Jawatankuasa mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri Selangor, Pengarah Audit Negeri Selangor, Timbalan Pegawai Kewangan Negeri Selangor, Bendahari Negeri Selangor, Penolong Pegawai Kewangan Negeri Selangor serta pegawai dari Jabatan Audit Negeri Selangor atas kerjasama mereka membantu Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Selangor semasa membuat pemeriksaan dan penyediaan laporan ini. Terima kasih juga diucapkan kepada Ketua Jabatan Kerajaan Negeri Selangor yang telah hadir dalam mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri.



( Y.B. TUAN LEE KIM SIN )  
Pengerusi  
Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Selangor

Dewan Negeri Selangor  
November 2009

PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI SELANGOR (PAC) TAHUN 2007

**Senarai Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Selangor yang telah dilantik bagi Penggal Dewan Undangan Negeri Selangor Kedua Belas adalah terdiri daripada:-**

- |       |  |             |
|-------|--|-------------|
| (i)   | Y.B. Tuan Lee Kim Sin<br>(Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Kajang)   | - Pengerusi |
| (ii)  | Y.B. Tuan Ng Suee Lim<br>(Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Sekinchan)  | - Ahli      |
| (iii) | Y.B. Tuan Mat Shuhaimi bin Shafiei<br>(Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Sri Muda)                                    | - Ahli      |
| (iv)  | Y.B. Tuan Dr. Cheah Wing Yin<br>(Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Damansara Utama)                                   | - Ahli      |
| (v)   | Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi<br>(Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Sekinchan Sijangkang)                       | - Ahli      |
| (vi)  | Y.B. Dato' Haji Mohd Shamsudin bin Haji Lias<br>D.P.M.S., S.S.A.<br>(Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Sungai Burong) | - Ahli      |
| (vii) | Y.B. Tuan Johan bin Abdul Aziz<br>( Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Semenyih)                                       | - Ahli      |

PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI SELANGOR (PAC) TAHUN 2007

**Urus Setia:**

- i) Encik Mohamad Yasid bin Bidin  
(Setiausaha Bahagian Dewan / MMKN)
- ii) Encik Mohd. Shahrizal bin Mohd. Salleh  
(Ketua Penolong Setiausaha Dewan Negeri Selangor)
- iii) Cik Mazian bt. Manan  
(Penolong Setiausaha MMKN Negeri Selangor)
- iv) Puan Noor Diana binti Razali  
(Penolong Setiausaha Dewan Negeri Selangor)
- v) Puan Siti Salbiah binti Masri  
(Penolong Pegawai Tadbir Dewan Negeri Selangor)
- vi) Puan Noridah bt. Abdullah  
(Pelapor Perbahasan Dewan Negeri Selangor)
- vii) Cik Siti Salina bt. Muftar  
(Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan)).

**Pegawai-Pegawai Yang Turut Hadir Dalam Mesyuarat:**

- i) Encik Shamsul Azri bin Abu Bakar  
Timbalan Pegawai Kewangan Negeri
- ii) Encik Saat bin Esa,  
Bendahari Negeri Selangor
- iii) Y.M. Datin Paduka Ungku Arfah bt. Ungku Tahir  
(Pengarah Audit Negeri Selangor)
- iv) Puan Kasmawati bt. Abdul Latif  
Penolong Pengarah Audit (N) Negeri Selangor
- v) Puan Rahimas bt. Omar  
Penolong Pengarah Audit (N) Negeri Selangor
- vi) Puan Lai Seck Yin  
Penolong Pengarah Audit (N) Negeri Selangor
- vii) Puan Wan Zainab bt. Wan Yahaya  
Penolong Pengarah Audit (N) Negeri Selangor
- viii) Puan Fauziah bt. Mohd Johari  
Penolong Juruaudit